

19 APR 1998

PRESIDEN UGANDA BERLEPAS PULANG SELEPAS LAWATAN EMPAT HARI

KUALA LUMPUR, 19 April (Bernama) -- Presiden Uganda Yoweri Kaguta Museveni berlepas pulang pagi ini selepas mengadakan lawatan empat hari ke Malaysia.

Mengucapkan selamat jalan di lapangan terbang ialah Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie yang juga menteri pengiring.

Presiden itu telah dihadiahkan dengan album yang mengandungi gambar-gambar sepanjang lawatan beliau ke sini. Gambar-gambar itu telah diambil oleh Jabatan Penerangan dan disampaikan kepada beliau oleh Moggie.

Lawatan beliau ke sini adalah atas jemputan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar.

Semasa lawatan itu, Museveni telah mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dua perjanjian kerjasama dalam bidang ekonomi dan teknologi, dan kebudayaan telah ditandatangani.

-- BERNAMA

AZZ RI